

**1103/1  
BAHASA MELAYU**

**Kertas 1  
2 jam**

**LOGO  
SEKOLAH**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM  
TAHUN 2025**

---

**CADANGAN JAWAPAN**

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

Kertas Cadangan Jawapan ini mengandungi 11 halaman bercetak

**Join telegram @exercise\_students**

**Bahagian A**

[30 markah]

*Soalan ini mesti dijawab.**Maklumat di bawah adalah berkaitan dengan kerjaya.**Berdasarkan maklumat tersebut,uraikan pendapat anda tentang persediaan-persediaan menceburi alam kerjaya.**Panjangnya karangan anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.*

## KERJAYA DI MALAYSIA



## KELAYAKAN AKADEMIK

*Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)**Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)**Diploma**Ijazah*

## KEMAHIRAN KOMUNIKASI TUNTUTAN UTAMA SEMUA JENIS PEKERJAAN

Dalam persaingan dunia kerjaya yang semakin mencabar, setiap pekerja harus memiliki kemahiran komunikasi berkesan. Kemahiran ini penting bagi memastikan kelancaran urusan kerja sama ada sesama rakan sekerja maupun dengan pihak luar.

**Join telegram @exercise\_students**

**CADANGAN RANGKA JAWAPAN****BAHAGIAN A : persediaan-persediaan menceburi alam kerjaya.****Kehendak soalan**

1. Calon hendaklah menghuraikan persediaan-persediaan alam kerjaya.
2. Calon hendaklah menggunakan **semua** bahan sama ada sebagai idea utama atau contoh, pendahuluan atau kesimpulan.
3. Sekiranya calon menyentuh semua bahan dan ditambah idea luar – terima seperti biasa.
4. Calon tidak menggunakan semua bahan tetapi menggunakan idea luar – maksimum kepujian.
5. Calon menulis lebih 210 patah perkataan atau hingga ayat berakhir – maksimum kepujian.
6. Calon menulis 139 patah perkataan dan ke bawah – maksimum memuaskan.
7. Calon menulis dalam bentuk poin – TMTPM.
8. Pemeriksa hendaklah membaca sehingga karangan berakhir walaupun melebihi 210 patah perkataan untuk mendapatkan tanggapan bagi mengelakkan wacana tidak lengkap.

**Pendahuluan**

- pekerjaan yang menjamin masa depan seperti guru, doktor dan jurutera **[Bahan 1]**
- pelbagai kemahiran perlu dikuasai oleh golongan muda
- terdapat persediaan-persediaan menceburi alam kerjaya
- *usaha tangga kejayaan*

**Isi 1: mempunyai kelayakan akademik **[Bahan 2]****

- kelayakan yang bersesuaian dengan pilihan kerjaya
- memilih aliran yang betul di peringkat SPM dan mempunyai kelulusan akademik di peringkat yang lebih tinggi seperti diploma atau ijazah
- berusaha dengan bersungguh-sungguh agar dapat bersaing untuk mendapat pekerjaan
- *yang bulat tidak datang bergolek, yang pipih tidak datang melayang*

**Isi 2 : menguasai kemahiran komunikasi **[Bahan 3]****

- memiliki kemampuan untuk berinteraksi dan menyampaikan maklumat dengan berkesan
- menyertai pelbagai aktiviti berbahasa di peringkat sekolah dan universiti
- penyampaian yang jelas, lancar dan mudah difahami untuk memastikan kelancaran urusan kerja
- *belakang parang kalau diasah lagikan tajam*

**Kesimpulan**

- terdapat banyak persediaan yang perlu dilakukan sebelum memasuki alam kerjaya
- persediaan yang mapan haruslah dimulakan dari awal
- menjadi pekerja ideal yang berkelayakan pada masa hadapan
- *hendak mencari rotan, jangan takut onaknya*

**BAHAGIAN B***[70 markah]*

Bahagian ini mengandungi **empat** soalan. Jawab **satu** soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

**1.**

Terdapat kebimbangan mengenai masa depan seni kraf tangan tempatan kerana segerintir masyarakat mengagung-agungkan seni kraf tangan luar sebagai sumber inspirasi. Dengan ini, pelbagai langkah perlu dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk memajukan kraf tangan tempatan seperti menganjurkan program latihan kraf tangan, mempromosikan produk kraf tangan dan memperkasa penglibatan aktif generasi muda.

Sumber : [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my)

Berdasarkan petikan di atas, bincangkan peranan pihak kerajaan untuk memajukan industri tersebut.

**Kehendak soalan**

1. Calon hendaklah menghuraikan peranan pihak kerajaan untuk memajukan industri kraf tangan tempatan.
2. Calon hendaklah memberikan huraian dan contoh yang sesuai.
3. Calon hendaklah menghuraikan semua isi yang diberikan.
4. Calon menghuraikan semua isi dan idea luar diterima seperti biasa.
5. Calon menghuraikan sebahagian isi dalam petikan dan idea luar -maksimum kepujian.
6. Calon menghuraikan peranan pihak kerajaan dan pihak lain – maksimum kepujian.
7. Calon menghuraikan semua idea luar - maksimum baik.
8. Calon menghuraikan selain peranan kerajaan - maksimum baik.
9. Calon menghuraikan selain langkah-langkah - maksimum penguasaan minimum.
10. Calon menulis dalam bentuk poin – TMTPM.

**Cadangan Rangka Karangan****Pendahuluan**

- industri kraf tangan tempatan mempunyai nilai estetika dan berpotensi memajukan ekonomi negara
- contoh – anyaman, tenunan, songket, kraf batik dan bakul rotan
- terdapat pelbagai peranan kerajaan untuk memajukan industri kraf tangan
- *kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya*

Isi 1 : kerajaan menganjurkan program latihan kraf tangan

- kebanyakan pengusaha kraf masih mengamalkan kaedah tradisional dan tidak memiliki kemahiran pengurusan
- menyediakan latihan industri secara berterusan atau berkala secara percuma
- contoh, bengkel profesional seperti Program Bimbingan Teknikal Reka bentuk, Program Pembangunan Produk Baharu dan Kursus Pemasaran Digital
- memperkenalkan elemen teknologi dalam pembuatan kraf tangan kepada peserta kursus untuk meningkatkan produktiviti pengusaha
- *katakan di bawah tempurung*

Isi 2: kerajaan mempromosikan produk kraf tempatan

- produk kraf semakin kurang mendapat perhatian masyarakat tempatan ataupun antarabangsa
- kerajaan boleh memperkenalkan insentif promosi dan subsidi kos penghantaran untuk produk kraf yang menembusi pasaran antarabangsa
- kekerapan mengadakan promosi secara fizikal dan dalam media sosial dengan sistematik
- Hari Kraf Kebangsaan - pameran dan jualan oleh pengusaha kraf negara seperti batik dan anyaman
- *usaha tangga kejayaan*

Isi 3 : kerajaan memperkasa penglibatan generasi muda

- merupakan pewaris khazanah negara yang dapat meneruskan legasi seni warisan ini ke peringkat lebih tinggi
- Kementerian Pendidikan Malaysia memasukkan elemen kraf tangan dalam subjek atau aktiviti kokurikulum
- institusi pendidikan tinggi dan kolej kemahiran menawarkan kursus berkaitan dengan kraf tangan
- pendekatan pendidikan yang berstruktur dan menyeronokkan seperti pertandingan dan pameran kraf tangan
- *pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara*

#### Kesimpulan

- terdapat pelbagai langkah untuk memajukan industri kraf tangan di negara kita
- pihak kerajaan, agensi pelancongan, komuniti setempat perlu memainkan peranan bagi merangka strategi memajukan industri ini
- industri kraf tangan negara akan terus maju, disegani dan diiktiraf di peringkat antarabangsa
- *tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas*

2

Perkembangan sains dan teknologi telah memberikan impak besar terhadap kesusasteraan Melayu sehingga karya sastera semakin terpinggir. Hal ini disebabkan kurangnya minat membaca karya sastera seperti cerpen dan novel dalam kalangan remaja pada masa ini.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Wilayahku, 8 April 2025

Sebagai respons daripada petikan di atas, bincangkan usaha-usaha untuk menggalakkan remaja membaca karya sastera.

### Kehendak soalan

1. Calon hendaklah menghuraikan usaha-usaha untuk menggalakkan remaja membaca karya sastera.
2. Calon hendaklah memberikan huraian dan contoh yang sesuai.
3. Calon menghuraikan usaha membaca secara umum- maksimum baik.
4. Calon menghuraikan selain langkah-langkah - maksimum penguasaan minimum.
5. Calon menulis dalam bentuk poin – TMTPM.

### Cadangan Rangka Karangan

#### Pendahuluan

- karya sastera seperti cerpen, novel dan drama
- minat remaja terhadap karya sastera semakin berkurangan
- terdapat usaha-usaha untuk menggalakkan remaja membaca karya sastera
- *kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya*

Isi 1: pihak kerajaan perlu menganjurkan kempen membaca karya sastera

- memberikan kesedaran untuk mengubah sikap remaja agar minat membaca
- mempromosikan karya-karya sastera yang bermutu tinggi sepanjang kempen
- menyediakan program interaktif seperti kuiz, Jom Membaca Bersama dengan Sasterawan dan pertandingan ulasan karya sastera
- perlu mengubah perspektif agar menambahkan minat remaja terhadap karya sastera
- *usaha tangga kejayaan*

Isi 2: ibu bapa perlu memberikan dorongan kepada anak-anak

- memberikan pendedahan terhadap karya sastera sejak anak-anak masih kecil
- menyediakan bahan bacaan sastera yang sesuai di rumah seperti cerita rakyat, novel remaja dan puisi kanak-kanak
- meluangkan masa membaca karya sastera bersama-sama atau berkongsi cerita menarik
- perlu membantu perkembangan emosi dan kreativiti anak-anak melalui pembacaan karya sastera yang kaya dengan nilai murni
- *melentur buluh biarlah dari rebungnya*

Isi 3: pihak sekolah perlu menganjurkan pelbagai aktiviti yang menarik

- meningkatkan penghayatan dan penghargaan murid terhadap karya sastera
- menggunakan kaedah pengajaran yang menyeronokkan semasa aktiviti pengajaran dan pengajaran Komponen Sastera (KOMSAS)
- mengadakan ceramah, bengkel penulisan sastera dan dialog sastera bersama penulis terkenal
- guru perlu memupuk minat murid untuk menjadi seorang penulis karya sastera yang prolifik
- *di mana ada kemahuan, di situ ada jalan*

#### Kesimpulan

- terdapat usaha-usaha efektif menggalakkan remaja membaca karya sastera
- semua pihak dan agensi terlibat perlu melakukan anjakan paradigma agar karya sastera tidak terpinggir
- membina budaya membaca dalam kalangan masyarakat untuk jangka masa panjang
- *serampang dua mata*

3

Sistem pembayaran tanpa wang tunai menjadi pilihan sebilangan besar masyarakat kini kerana urusan perbelanjaan lebih mudah dan selamat untuk digunakan. Sistem ini yang menggunakan alat pembayaran elektronik seperti kad kredit, kad debit, e-dompet atau kod QR juga membolehkan seseorang mengurus kewangan secara bijak.

Sumber : Internet

Berdasarkan petikan di atas, bincangkan manfaat-manfaat sistem pembayaran tanpa wang tunai.

### Kehendak soalan

1. Calon hendaklah menghuraikan manfaat-manfaat sistem pembayaran tanpa wang tunai
2. Calon hendaklah memberikan huraian dan contoh yang sesuai.
3. Calon hendaklah menghuraikan semua isi yang diberikan.
4. Calon menghuraikan semua isi dan idea luar diterima seperti biasa.
5. Calon menghuraikan sebahagian isi dalam petikan dan idea luar -maksimum kepujian.
6. Calon menghuraikan semua idea luar -maksimum baik.
7. Calon menghuraikan selain manfaat-manfaat - maksimum penguasaan minimum
8. Calon menulis dalam bentuk poin – TMTPM.

### Cadangan Rangka Karangan

#### Pendahuluan

- masyarakat moden melakukan transisi kewangan menggunakan sistem pembayaran tanpa wang tunai
- gaya hidup terkini terutamanya masyarakat di kawasan bandar
- terdapat manfaat-manfaat sistem pembayaran tanpa wang tunai
- *seperti katak di bawah tempurung*

#### Isi 1: urusan perbelanjaan lebih mudah

- sistem pembayaran tanpa wang tunai memudahkan proses pembayaran dan menjimatkan masa
- masyarakat tidak perlu menunggu lama di bank atau di premis perniagaan
- pengguna hanya perlu mengimbas kod QR, kod bar atau memasukkan nombor akaun penerima untuk membuat pembayaran
- pengguna tidak perlu ke mesin pengeluaran wang automatik (ATM) untuk mengeluarkan wang
- *masa itu emas*

Isi 2: selamat untuk digunakan

- pembayaran tanpa wang tunai dibuat melalui aplikasi bank dalam telefon bimbit
- transisi kewangan lebih selamat berbanding dengan wang tunai
- pengguna perlu membuat pengesahan nombor pin sebagai langkah keselamatan sebelum melakukan proses transaksi
- pengguna juga tidak terdedah dengan risiko penyeluk saku atau pencuri
- *malang tidak berbau*

Isi 3: mengurus kewangan secara bijak

- pengguna boleh melihat transaksi, jumlah perbelanjaan dan baki wang secara dalam talian
- memudahkan masyarakat merancang perbelanjaan secara berhemah
- aplikasi bank menyediakan kemudahan tabung simpanan kepada pemilik akaun
- pengguna memperoleh pulangan tunai, mata ganjaran untuk setiap transaksi dan menebus baucar pembelian
- *serampang dua mata*

Kesimpulan

- terdapat banyak manfaat penggunaan sistem pembayaran tanpa wang tunai kepada masyarakat
- ciri kemudahan dan keselamatan pada sistem ini lebih baik berbanding dengan penggunaan wang tunai secara konvensional
- merupakan satu keperluan pada masa ini dan boleh digunakan secara efektif
- *zaman beralih, musim bertukar*

- 4 Sebagai negara yang terdiri daripada masyarakat majmuk, Malaysia memiliki pelbagai busana tradisional yang menjadi identiti sesuatu bangsa. Namun begitu, pengaruh fesyen terkini yang lebih moden menjadi cabaran untuk mempopularkan busana tradisional dalam kalangan generasi muda.

Sumber : Internet

Huraikan cabaran untuk mempopularkan busana tersebut dalam kalangan generasi muda berdasarkan petikan di atas berserta cabaran-cabaran yang lain.

#### Kehendak soalan

1. Calon hendaklah menghuraikan cabaran-cabaran mempopularkan busana tradisional.
2. Calon hendaklah memberikan huraian dan contoh yang sesuai.
3. Calon hendaklah menghuraikan satu idea yang diberikan dan idea luar.
4. Calon menghuraikan semua idea luar - maksimum baik.
5. Calon menghuraikan selain cabaran-cabaran - maksimum penguasaan minimum
6. Calon menulis dalam bentuk poin – TMTPM.

#### Cadangan Rangka Karangan

##### Pendahuluan

- busana tradisional menjadi lambang identiti sesuatu bangsa– baju kebaya, sari, ceongsam
- generasi muda dikatakan kurang gemar menggayakan busana tradisional
- terdapat cabaran-cabaran mempopularkan busana tradisional dalam kalangan generasi muda
- *tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas*

##### Isi 1: pengaruh fesyen terkini yang lebih moden

- generasi muda terdedah dengan fesyen moden dari negara luar melalui media massa dan laman sosial
- lebih gemar menggayakan pakaian moden sebagai pakaian harian kerana lebih selesa dan sesuai dengan keadaan cuaca
- fesyen moden lebih mudah diperoleh, ringkas dan menarik – blaus, kemeja T dan skirt
- jenis fabrik yang lebih murah dan rekaan terkini yang memenuhi cita rasa generasi muda seperti denim dan kain kapas
- *lain hulu lain parang, lain dulu lain sekarang*

##### Isi 2: kurang kesedaran tentang kepentingan busana tradisional

- persepsi busana tradisional hanya sesuai digayakan semasa majlis-majlis tertentu
- hanya dipakai pada hari perayaan, majlis perkahwinan dan majlis rasmi
- pereka fesyen menyuntik elemen moden pada busana sehingga meminggirkan keasliannya – disesuaikan dengan peredaran zaman, mengikut kehendak pelanggan
- generasi muda tidak mengenali ciri-ciri busana tradisional yang autentik
- *tak kenal maka tak cinta*

Isi 3: kurang didikan daripada ibu bapa

- ibu bapa tidak mengenakan busana tradisional pada setiap hari
- tidak menggalakkan anak-anak memakai busana tradisional
- lebih suka membelikan pakaian moden seperti kemeja T, seluar jeans dan gaun
- memberikan kebebasan kepada anak-anak untuk memilih pakaian yang digemari
- *bapa borek anak rintik*

Kesimpulan

- terdapat pelbagai cabaran untuk mempopularkan busana tradisional dalam kalangan generasi muda
- kurang kesedaran daripada pelbagai pihak menjadi cabaran terbesar untuk memartabatkan dan memperkenalkan busana tradisional ke peringkat global
- segala cabaran wajar diatasi agar busana tradisional kekal relevan mengikut peredaran zaman
- *tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas*

**CADANGAN JAWAPAN TAMAT**